

20 JAN 1997

PEMIMPIN KORPORAT JEPUN HADIRI TAKLIMAT MAHATHIR MENGENAI MSC

TOKYO, 20 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berucap kepada hampir 40 ketua eksekutif badan korporat terkemuka Jepun pada satu persidangan pelaburan mengenai Koridor raya Multimedia (MSC) di sini petang ini.

Perdana Menteri tiba di sini malam tadi, persinggahan terakhirnya dalam rangka lawatan 10 hari ke California dan Jepun untuk mempromosi MSC, zon teknologi tinggi 50km kali 15 km yang sedang dibangunkan di selatan Kuala Lumpur City Center (KLCC) untuk melonjakkan Malaysia ke dalam Era Maklumat.

Minggu lepas beliau berada di Los Angeles dan Silicon Valley di utara California untuk melobi mendapatkan sokongan bagi MSC di kalangan para pemimpin terkemuka industri hiburan, teknologi maklumat dan industri multimedia Amerika.

Di Universiti Stanford, Palo Alto, di Silicon Valley, Dr Mahathir turut mempengerusikan mesyuarat pertama Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) mengenai MSC pada Khamis.

Pagi ini, beliau mengadakan pertemuan berasingan dengan Presiden Tokyo Electric Power Co Ltd Hiroshi Araki, Presiden Japan International Development Organisation (Jaido) Koretsugu Kodama, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Itochu Corporation Minoru Nurofushi, Pengerusi Sumitomo Corporation Tomiichi Akiyama dan Presiden Kenji Miyahara serta Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT) Jun-ichiro Miyazu.

NTT pada mesyuarat IAP minggu lepas diwakili naib presiden eksekutifnya Noboru Miyawaki.

Antara pengerusi, presiden atau eksekutif kanan yang menghadiri taklimat Dr Mahathir mengenai MSC petang ini ialah dari syarikat besar Jepun seperti Sony Corp, Toshiba Corp, NEC Corp, Hitachi Ltd, Bank of Tokyo-Mitsubishi Ltd, Sumitomo Corp, Sharp Corp, Matsuhita Electric Industrial Co Ltd, Sega Enterprises Ltd, Mitsui Corp, Mitsubishi Corp, Marubeni Corp and Fujitsu Ltd.

Ketua-ketua korporat Jepun itu akan juga diberi penerangan oleh Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, pengerusi eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) mengenai apa yang mereka boleh dapatkan dalam MSC. MDC ditubuhkan sebagai kedai setempat untuk meningkatkan perkembangan MSC. --

BERNAMA

KCL RON